

25/10/2002

'Tiada kegiatan Hawala di Malaysia'

PUTRAJAYA, Khamis - Kumpulan pegganas tidak mungkin menggunakan sistem perbankan Islam di negara ini untuk kegiatan Hawala (pembersihan wang), seperti didakwa Kumpulan Pemantau Kegiatan Keganasan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata ini kerana sistem kewangan Islam di negara ini mantap dan turut disediakan bank komersial lain serta digunakan pelanggan bukan Islam.

Beliau mengulas laporan PBB itu yang antara lain turut menyenaraikan Malaysia sebagai tempat bagi al-Qaeda mengukuhkan sokongan logistik dan kewangannya.

Pada masa sama, sebuah filem dokumentari berbahasa Perancis bertajuk Les Blanchisseurs Du Jihad (The Money Laundres of Jihad) turut mengaitkan Malaysia dengan rangkaian aktiviti Hawala.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis penerimaan tajaan dan sumbangan sempena Minggu Pembangunan Ekonomi Islam (MPEI) di pejabatnya di sini, hari ini, Abdul Hamid berkata pihak tertentu sengaja mahu memburuk-burukkan negara Islam seperti Malaysia.

"Dalam keadaan sekarang memanglah pihak yang tidak senang dengan kita, akan mencari jalan untuk memburuk-burukkan kita," katanya.

Mengenai lawatan Perdana Menteri ke Arab Saudi baru-baru ini, Abdul Hamid berkata Dr Mahathir diraikan dan diberi penghormatan tiga pemimpin utama negara itu iaitu Raja Fahd, Putera Mahkota Abdullah dan Putera Sultan.

Katanya, pemimpin terbabit berminat mendengar pandangan Dr Mahathir mengenai pelbagai perkara terutama mengenai cara memajukan ekonomi Arab Saudi.

Mengenai pelalian quadrivalent meningokokal (ACYW 135) yang diwajibkan kepada semua bakal haji sebelum ke Tanah Suci, Abdul Hamid berkata Majlis Fatwa Kebangsaan akan bermesyuarat tidak lama lagi bagi menentukan kesuciannya.

Katanya, soal menentukan halal atau haram penggunaan pelalian itu yang dikatakan menggunakan lemak babi, tidak boleh dilakukan sembarangan.

Beliau juga yakin Kementerian Kesihatan mampu memastikan bekalan pelalian itu cukup untuk musim haji akan datang.

Terdahulu, Abdul Hamid menerima sumbangan dan tajaan bagi penganjuran Minggu Pembangunan Ekonomi Islam (MPEI) mulai Sabtu ini, serentak dengan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Beliau berkata, MPEI yang akan dirasmikan Perdana Menteri, adalah pendekatan baru bagi memberi penerangan kepada masyarakat berkaitan produk ekonomi Islam.

"Ia akan dijadikan acara tahunan bersama majlis tilawah," katanya.